

Aneka warna menyambut pertabalan

Sultan

21 OCT 1960

IPOH, Ahad. — Persatuan Rangkaian Belia Ipoh akan mengadakan malam aneka warna-nya untuk mera'ikan hari pertabalan baginda Sultan Perak pada 25 Oktober ini di-padang kelab di-sini.

Yang di-Pertua badan itu, Inche Hashim bin Mat Piah berkata bahawa pertunjukan itu terbuka kapada seluroh penduduk2 di-sini dengan perchuma. B.H.

Kata-nya: "Berbagai2 jenis pertunjukan akan di-adakan pada malam itu. Hidangan itu terdiri dari tarian2, nyanyian2, lawak jenaka dan sa-bagai-nya."

Sa-lain dari itu penonton2 akan dapat menyaksikan satu sandiwara bernama "Ribut Tedoh di-Ambang Maut."

Ada-lah di-fahamkan juga bahawa pertunjukan2 lain juga akan di-adakan oleh pehak2 lain untuk menyambut hari pertabalan baginda Sultan Perak pada hari tersebut.

Di-antara tetamu2 agong ia-lah wakil2 rasmi dari Negeri2, Speaker Dewan Ra'ayat, Yang di-Pertua Dewan Negara, Lord Presiden dan Ketua Hakim Melaya, ahli2 diplomat, Menteri2 Kabinet, anggota Dewan Negara Perak, Anggota2 Parlemen dan Majlis Undangan Perak.